

TRANSKRIP

PROGRAM KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN CINTAILAH NEGARA KITA

UCAPAN OLEH:
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA

08 FEBRUARI 2010

DISEDIAKAN OLEH :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PENTADBIRAN AM
JABATAN PERDANA MENTERI

TRANSKRIP

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1Malaysia.

1. Yang Amat Berhormat, Tan Sri Muhyiddin, Timbalan Perdana Menteri dan warga Jabatan Perdana Menteri.
2. Alhamdulillah, pada pagi ini kita dapat berkumpul untuk sekali lagi bagi mengadakan Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri yang sepatutnya diadakan pada awal bulan Januari, tetapi oleh kerana cuaca tidak mengizinkan maka perhimpunan tersebut tidak dapat diadakan.
3. Oleh kerana perhimpunan ini merupakan perhimpunan yang pertama bagi tahun baru ini, maka izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga Jabatan Perdana Menteri dan oleh kerana

ada dua lagi sambutan yang telah pun berlalu, satu sudah berlalu, satu yang akan datang, maka saya ingin mengucapkan Selamat Hari Thaipusam dan Selamat Tahun Baru Cina jua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Tahun ini merupakan satu tahun yang sangat penting dalam merealisasikan agenda kerajaan. Oleh itu, izinkan saya menggariskan panduan untuk kita semua hayati bagi tahun 2010 ini khususnya dan mungkin ada kesinambungan pada tahun-tahun berikutnya.

5. Dari perspektif kerajaan, agenda kerajaan ini berdiri atas empat tunggak ibarat sebuah kerusi. Kalau kerusi itu merupakan kerusi yang stabil, nak duduk kita rasa selamat. Maka kerusi itu sebaik-baiknya ada empat penjuru atau empat kaki. Ada juga kerusi tiga kaki, tetapi tidak berapa selamat rasanya. Kalau kerusi dua kaki lagi tidak selamat.

6. Jadi, empat cabang ataupun empat kaki pada kerusi itu bermula dengan ungkapan ataupun gagasan 1Malaysia “Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Saya tidak mahu ini dianggap sebagai satu slogan, satu retorik sahaja tetapi sebenar-benarnya membawa pengertian yang amat mendalam dari segi dasar, pendekatan dan juga perubahan yang hendak dilakukan oleh kerajaan.

7. Kita ambil gagasan 1Malaysia, ini merupakan satu prakasa, satu usaha yang murni bagi memacu Perpaduan Nasional. Perpaduan Nasional membawa kepada kestabilan. Perpaduan Nasional membawa kepada kita bergerak dalam satu keluarga yang besar, menuju kepada matlamat yang sama. Kita mesti tangani perkara ini sebab dalam perjalanan kita ini mungkin akan timbul perkara-perkara yang tidak disengajakan ataupun perkara-perkara yang dilakukan oleh mana-mana individu atau kumpulan yang ingin merosakkan keharmonian dan perpaduan dalam negara kita dan walaupun perkara itu kecil tetapi ingat, bara kecil yang tidak dipadamkan boleh jadi api yang akan menghancurkan, membinasakan kita.

8. Jadi kalau gereja dibakar, surau dibakar, kepala khinzir dicampak dalam perkarangan masjid, ini semua perkara yang serius yang mesti ditangani oleh kita bersama. Sebab itulah gagasan 1Malaysia itu amat penting. Kita mesti memupuk rasa kekeluargaan sesama kita walaupun pelbagai kumpulan etnik, agama, budaya dan sebagainya tetapi kita adalah 1Malaysia.

9. “Rakyat didahulukan” ini kerana saya hendak kerajaan kita ini dilihat sebagai kerajaan untuk rakyat kerana rakyat, *“The people’s government”, it’s not a government for big business, big corporation, it’s the government for the people* dan inilah yang kita mesti terjemahkan dalam bentuk dasar kita, program kita, peruntukan kita dan “Pencapaian diutamakan” kerana kalau

tidak, rakyat akan bersikap sinis, umum satu dasar, umum satu program tetapi perlaksanaannya, “*execution*”nya masih timbul banyak persoalan.

10. Kaki yang kedua ialah *GTP* - “*Government Transformation Programme*”. Ini kita semua sudah baca dan saya harap semua sudah baca, kalau tidak boleh baca buku tebal, buku kecil, buku ringan pun bacalah supaya ini jadi panduan kepada kita. Banyak butiran-butiran dalam itu dan saya hendak ucap tahniah kepada semua anggota pentadbiran dan juga penjawat-penjawat awam yang bekerja bertungkus lumus untuk menyediakan buku “*Government Transformation Programme*” itu. Jadi inilah yang kita jadikan sebagai komitmen kerajaan. Ini mesti kita jayakan seperti mana ketetapan dan aku janji kita kepada rakyat.

11. Yang ketiga ialah “*New Economic Model*” untuk Malaysia yang akan kita bentangkan barangkali pada penghujung bulan Mac. “*New Economic Model*” ini bertujuan supaya memberi satu suntikan pada pembangunan ekonomi negara kita, supaya daya saing negara kita lebih *competitive*, supaya kita akan berpindah daripada negara yang berpendapatan pertengahan, supaya kita tidak tersekat dalam keadaan yang sedia kala tetapi kita akan berpindah, kita akan *migrate* sebagai sebuah negara yang lebih *competitive* dan lebih berjaya lagi. Ini akan merumuskan strategi ekonomi untuk negara kita.

12. Dan yang keempat ialah, “Rancangan Malaysia Ke-10” yang akan mengandungi banyak ketetapan yang kita telah buat dalam GTP, NKRA kita dan juga “*New Economic Model*”.

13. Jadi keempat-empat ini merupakan empat kaki yang penting kepada agenda kerajaan untuk tahun 2010 ini. Jadi, saya harap semua penjawat-penjawat awam akan memberi komitmen yang sepenuhnya menjayakan apa yang saya anggap amat penting untuk memenuhi jangkaan dan harapan rakyat.

14. Ada dua perkara lagi yang saya hendak sebut, ada berkaitan dengan empat bahagian pada agenda utama kerajaan. Satu ialah “Pemikiran yang kreatif dan inovatif”. Saya hendak tekankan pemikiran kreatif dan inovatif kerana ini merupakan proses “*Value Creation*”. Kita mesti *create value* dalam sistem kita, dalam ekonomi kita, dalam pembangunan kita.

15. Umpamanya apabila kita laksanakan *PPP* - “*Public Private Partnership*”. Ini boleh *create value*, jadi saya tidak mahu pemikiran kita pada tahap yang lama, *more of the same* tetapi kita mesti *create value* dan ini amat penting. Kita kaji semula, kita persoalkan apakah sesuatu yang kita buat itu ada cara pendekatan yang lebih baik lagi umpamanya kalau kita buat, contohnya hospital. RM1.4 juta - satu buah katil, pukul rata dalam negara kita. Saya kata, takkan kita tidak boleh buat hospital dengan kos setengah juta untuk sebuah katil. Kalau setengah juta, kita boleh buat dua ataupun tiga buah hospital.

16. Ini antara yang saya hendak lihat *value creation* dalam sistem kita. Sebab itu, pemikiran yang kreatif dan inovatif itu amat penting bukan kaitan dengan sains dan teknologi sahaja, bukan kaitan dengan sektor swasta sahaja, bukan soal R&D tetapi segala yang kita lakukan, *our thought process*, aliran pemikiran kita mesti bersandar kepada pemikiran yang kreatif dan inovatif.

17. Yang kedua, ialah soal “Kepantasan – *Speed*”. *Speed* / kepantasan membuat keputusan, kepantasan membuat dasar, kepantasan dari segi *execution*. Ini membawa kesan yang amat besar sebab kepantasan / *speed* itu ada kaitan dengan *competitiveness of Malaysia*. Kita akan dinilai di “*World Competitiveness Report*”, bagaimana kalau Malaysia berada di *top 10*? Tentu sekali orang akan lihat kita sudah berada di saf negara yang kemampuannya tinggi dan ini ada kaitan langsung dengan produktiviti. Produktiviti membawa kepada *competitiveness*.

18. Banyak kejayaan yang telah kita lakukan daripada pengeluaran pasport antarabangsa dari sebulan jadi seminggu, seminggu jadi sehari, sehari jadi dua jam, satu jam pun sekarang ini boleh. Klinik 1Malaysia, dalam masa minggu pertama tahun ini, 44 klinik 1Malaysia dah pun berfungsi. Ini antara kejayaan kita, kejayaan penjawat-penjawat awam. Boleh buat!

19. Jadi itulah yang saya hendak nyatakan dalam perhimpunan ini. Agenda kita untuk tahun 2010 dan aliran pemikiran kita. Jadi, kalau kita gabungkan, InsyaAllah tahun 2010 ini boleh menjadi tahun yang berjaya. Marilah kita sama-sama dengan sepenuh komitmen, dengan semangat yang tinggi, komitmen yang luar biasa menjulang nama negara Malaysia di persada antarabangsa dan membawa obor harapan untuk rakyat Malaysia.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.